



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1 JLD 16 (9)
Tarikh : 4 Januari 2024

**Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau/Kunak/Semporna/Lahad Datu**

Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 10 TAHUN 2023 - KETIDAKPATUHAN
PENGENDALIAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK (REFUND) BAGI KES “NO SHOW
PASSENGERS” OLEH PEGAWAI, PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN
TANGGUNGJAWAB PEGAWAI, PTJ DAN SYARIKAT PENERBANGAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan juga rujukan emel BPOPP melalui rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2023 (395) bertarikh 28 November 2023 adalah berkaitan.

- Untuk makluman, **Bayaran Balik bagi kes “No Show Passengers”** bagi pembelian tiket penerbangan melalui Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) yang tidak dituntut melebihi setahun oleh PTJ, amaun *refund* tiket penerbangan tersebut termasuk *Passenger Service Charge* (PSC) telah diserahkan kepada Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia berdasarkan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) yang berkuat kuasa.
- Sehubungan itu, semua PTJ wajib mematuhi peraturan yang berkuat kuasa bagi memastikan tuntutan bayaran balik bagi kes “No Show Passenger” dibuat dengan kadar segera kepada syarikat penerbangan. Ketua Jabatan hendaklah mengadakan peraturan dalaman untuk memastikan pegawai yang diberikan tiket penerbangan melaporkan kepada jabatan berkaitan status penggunaan tiket tersebut.
- Pihak tuan/puan boleh merujuk kepada **Lampiran 4** bagi proses pengendalian bayaran balik kes “No Show Passengers” ini. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”**

Saya yang menjalankan amanah,


(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)
Pegarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau

s.k Fail Unit Pengurusan Dana